

-Abu Hayyan atTauhidi : alAdib wa alMufakkir (Sasterawan & Ahli Fikir), kajian Ali Dab cet. Dar alArabiyah lil Kitab-

"Kasihku...tidakkah engkau melihat kesesatanku saat aku mengikut petunjuk?" - al-Isyarat al-Ilahiyat, atTauhidi.

Ali bin Muhammad, Abu Hayyan atTauhidi, sosok ganjil yang hidup pada kurun ke-4 Hijrah, menyaksikan pertempuran hebat antara intelektual dan politikus, masyarakat awam dan borjuis, agamawan dan penunggang agama, seniman dan saintis, masing-masing dalam usaha mencari keabadian, dengan nama pangkat dan apa saja, yang dianggap bisa menyelamatkan. AtTauhidi tidak ketinggalan, bahkan sepanjang hidupnya yang penuh cerita dan ranjau, dia sendiri mengalami perubahan-perubahan, dan menempuh ujian-ujian, yang menjadikannya sangat 'manusia'.

Cakrawala misteri yang belum dijejaki, mengenali atTauhidi bukanlah tugas yang mudah, justeru kita memaafkan mereka yang menamakan beliau sebagai seorang yang 'sesat lagi mulhid/ateistik' - 'zindiq/ringan agamanya', sementara menerima tazkiah-tazkiah ulama lain yang memuji beliau seperti anNawawi yang menyifatkan atTauhidi sebagai 'min ashabina/daripada golongan kami yang bermazhab Syafi'e', diikuti asSubki dalam atTabaqat, dan Yaqut alHamawi dalam Mu'jam alUdaba' yang menyifatkan atTauhidi sebagai "Sasterawan golongan falsafah, dan ahli falsafah golongan sasterawan".

Ali Dab, pengkaji daripada Tunisia, mengarangkan buku ini selaku lanjutan kepada kajian-kajian yang telah dibuat oleh pemikir yang lain, seperti Dr. Abd arRahman alBadawi dalam mukadimah Isyarat, Ahmad Amin dalam mukadimah al-Imta' wal Mu'anasah, Ihsan Abbas dalam buku khas mengkaji atTauhidi, kajian yang ringkas dalam 170ms tetapi sarat dengan pengenalan-pengenalan yang membuat kita berfikir mendalam mengenai syakhsiat atTauhidi selaku seorang intelek sufi yang dekat kepada aliran Muktazilah dan memiliki kemahiran berbahasa yang halus, di samping keterlibatannya dalam pergolakan dalaman dunia Islam dan rakamannya yang berseni dan tepat yang jarang-jarang ditemukan dalam penulisan seniman-seniman sezamannya yang cenderung menulis untuk men'jilat' duli-duli para khalifah.

Membaca sirah atTauhidi, seorang pemikir yang begitu berahsia tentang masa mudanya, menyibukkan diri dengan ilmu agama dan falsafah, mengutip dan menguasai bahasa arab sehingga kemuncak, di samping ilmu khat yang gunanya sebagai jalan rezeki, menadah-nadah tangan di pintu-pintu khalifah dan para wazir dengan menjadikan ilmu tadi sebagai lesennya berbicara yang muluk². Kemudian di pertengahan jalan, beliau diuji dengan dua orang wazir yang menolak kewujudan beliau, asSahib ibn Abbad dan alMuhallabi, kerana kelantangan beliau dan ketidakpatuhan beliau kepada setengah-setengah polisi yang menguntungkan wazir-wazir ini

(hingga beliau/atTauhidi didakwa oleh Ibn Faris -yang merupakan sahabat rapat asSahib ibn Abbad- sebagai 'orang yang tidak baik' dalam alKharidah alFaridah) Malapetaka ini berterusan hinggalah beliau bertemu dengan Abu alWafa' alMuhandis, yang memperkenalkan beliau kepada wazir Ibn Sa'dan al'Arid, seorang berbangsa parsi yang tidak mahir berbahasa arab. Lalu apakah faedahnya pertemuan dengan pakar seni berbahasa seperti atTauhidi? Ali Dab menimbulkan persoalan ini dan menjawab bahawa, setiap wazir akan mencipta intellectual circle dalam kawasannya dan akan menjadi patron kepada circle tersebut dengan tujuan untuk ;1-Mengawal pergerakan subversif. 2-Menjadikan kawasannya popular dengan suasana ilmiah. 3-Menjadikan dirinya dihormati kawan dan lawan. atTauhidi, yang sememangnya mahu menjadi bahan gunaan, akhirnya merasa dirinya terbuang, apabila tersepit di celah-celah pergelutan kuasa politikus yang menggunakan intelektual seperti beliau, sebagai boneka.

Akhir hidupnya menyaksikan pengakhiran yang sengsara, di mana beliau kembali hidup sebagai seorang sufi yang miskin, kehilangan teman, keputusan bekal, dan kehilangan harapan. Beliau membakar buku-buku tulisannya, kerana tidak mahu buku-bukunya dijadikan bahan lelucon dan jenaka buat sesiapa yang membencinya dan tidak pula mau mengambil manfaat daripada ilmu yang terdapat didalamnya. Insecurities yang diperolehi daripada penolakan demi penolakan yang dialami beliau, rasa putus asa dengan dunia, menjadikan beliau seorang sufi yang 'real' dan menulis pengalamannya, mengkhabarkan dirinya sebagai seorang 'asing', yang asing dalam keasingannya.

atTauhidi, seorang pakar prosa arab, pernah menyatakan dalam alMuqabasat, "Puisi merupakan makanan jiwa, prosa merupakan makanan akal." Membaca karya-karya atTauhidi, menghayati jiwa kita dengan makna-makna yang kita belum pernah boleh bahasakan dan terkunang-kunang dalam impian. Membaca laras bahasa beliau bererti membaca peribadi beliau ; kita dapati, beliau dalam pelbagai isu yang cuba diutarakan, memiliki kontradiksi yang selalu, menjadikan ulasan beliau tidak konsisten (maka ini yang menjadikannya sangat 'manusia'). Ali Dab cenderung untuk mengatakan bahawa karakter dalam penulisan-penulisan atTauhidi bukanlah karakter hakiki, seperti dialog² yang disandarkan atTauhidi kepada guru-gurunya seperti Abu Ali alMarwazi faqih Syafi'ie, Abu Sulaiman alMantiqi, ia bahkan merupakan buah fikiran atTauhidi sendiri yang didialogkan oleh gurunya (seperti yang dibuat Plato terhadap Socrates dalam Dialognya). Dakwaan ini boleh dikira kuat, sekiranya kita mengambilkira keberanian atTauhidi menyandarkan kata-kata fiksi (bahasa kasarnya, kata-kata dusta) kepada para sahabat radiAllahu anhum dalam Risalah asSaqifah yang dikarang atTauhidi dengan niat untuk membela para sahabat di depan para wazir yang syiah. Namun terlalu susah, kerana seperti kita katakan, atTauhidi merupakan cakrawala indah yang belum habis diteroka, dan bakal jadi teka-teki kepada sesiapa yang mendalaminya.

Usaha Ali Dab untuk mengaitkan sufisme atTauhidi dengan Eksistensialisme Soren, memberitahu kita akan kesejagatan/universality perasaan, yang merupakan paduan-paduan daripada idea yang

membentuk peta emosi. Serta dekatnya Eksistensialisme dengan Muktazilah khususnya dalam masalah alQadr, di mana kedua-dua aliran ini percaya bahawa manusia mencipta takdirnya sendiri, maka kesedihannya, kemurungannya, adalah daripada perbuatannya sendiri dan tidak boleh disandarkan secara mutlak kepada Allah. (idea yang penulis dan teman baik penulis pernah bincangkan di Madinah satu masa dulu, dan masih menanti keluangan untuk kajian penuh. Cc : Muhammad Al Siddiq?)

Pemilihan warna buku ini ; ungu indigo dan jingga emas, merupakan simbolik kepada nilai spiritual yang diungguli atTauhidi. Ia warna yang digunakan secara tradisi oleh gereja rom, sebagai warna rasmi watak-watak gereja. Warna indigo sinonim dengan misteri, warna emas sinonim dengan kemegahan. Contrast yang menenangkan ini, mewakili atTauhidi dan pemikirannya yang meskipun penuh ranjau, tapi menghasilkan nilai murni yang tinggi. Seharusnya non-conformists masa kini mempelajari keluhuran idea atTauhidi dan sosok beliau, bagaimana menghasilkan idea dan benar-benar berusaha mencari keseimbangan berbanding sekadar mempersoalkan dan rebel tak sudah.

Jujur, penulis katakan, menterjemah karya atTauhidi, adalah usaha yang teramat payah, kerana akan terdapat kelonggaran-kelonggaran yang terpaksa dilanggar dan digunakan untuk menyampaikan makna. Kesedaran dan kemanisan karya-karya atTauhidi selayaknya dibaca dan dinikmati dalam bahasa Arab juga, tidak lain. Sementara adaptasi dibolehkan, kata Vonnegut, dengan syarat, karya yang mengadaptasi haruslah lebih baik daripada karya asal. Ia kriteria hampir mustahil.

Cinta penulis kepada atTauhidi, terbungkam selamanya oleh kata-kata yang takutkan penolakan. Semoga kita berjumpa di Sana, atTauhidi. Semoga Allah memilih kita sebagai teman di taman-taman saling berdepan-depan.

Bagaimanakah engkau berada di neraka, sekiranya engkau berada di dalam hatiku?

Syafiq atTauhidi

14 Rabiul Akhir 1439H - 2 Januari 2018M

Kota Kinabalu, Sabah.